# #9

# PRODUCT RATING



*Produk rating bermakna rating diberikan dari buyer kepada item yang mereka beli kah?*

Ya! Tepat sekali. Sistem Shopee membenarkan buyer membuat rating pada setiap pembelian yang Berjaya. Shopee akan menghantar pesanan melalui Shopee App dan juga email kepada buyer untuk mereka Rating Produk anda.

Kelebihan Produk Rating:

1- **Tingkatkan Kepercayaan Pembeli** kerana mereka dapat tahu produk yang ingin mereka beli dari anda berkualiti dan tiada masalah.
2- 75% buyer sebelum membeli akan membaca komen pembeli yang terdahulu.

Sedikit Kekurangan Produk Rating:

1- Ada kes dimana buyer sengaja memberikan Rating sangat rendah tanpa alas an, jika terjadi kes begini Seller perlu Chat bersama buyer tersebut dan bertanya apakah masalah yang dihadapi. Jika tiada respond atau jawapan anda boleh email kepada shopee support@shopee.com.my dengan melampirkan photo rating dan perbualan anda bersama buyer. Shopee boleh mengeluarkan rating tersebut jika didapati tiada respond dari buyer atau alasan yang diberikan oleh buyer tidak munasabah. Jika benar ada masalah pada produk, anda sebagai seller boleh gunakan beberapa teknik yang akan saya tunjukkan sebentar lagi.

2- Agak sukar untuk mendapatkan 5 star namun anda boleh kekalkan Rating produk lebih dari 4 star. Semakin ramai buyer membeli produk tersebut semakin banyak rating diperolehi dan seperti yang sedia maklum AMAT mudah MANUSIA untuk memberi BAD RATING berbanding GOOD. Jika ada masalah Buyer akan bertindak pantas memberi RATING, jika barangan BAIK dan SELAMAT 50% akan senyap begitu sahaja. So macam mana? Kita akan bincangkan sebentar lagi.




Screen Shoot PC – Buka web shopee.com.my dan select mana-mana produk dan lihat rating seperti anak panah di atas.




Buyer mempunyai pilihan memilih produk yang tinggi.




Screen Shoot pc – Anda boleh melihat Rating dengan Terperinci dengan klik pada Tab 'RATINGS' seperti yang ditunjukkan.




Perincian Ratin dari buyer.




Screen Shoot dari HP

*<u>Nampak Macam susah nak dapat Rating ni ya?</u>*

Sebenarnya Tidak Sukar jika dilakukan secara Sabar dan mengikut panduan yang akan dibincangkan.

TIPS: Untuk dapatkan Rating yang TINGGI saya amalkan beberapa perkara berikut, anda boleh menguna pakai apa yang telah saya amalkan ini.

1- Kualiti PRODUK.
2- Shipping Dalam masa kurang dari 3 hari
3- Respond pada setiap pertanyaan Buyer untuk produk tersebut.
4- Packing dengan baik dan item yang mudah pecah gunakan bubble wrapping.
5- Keterangan Produk yang lengkap.
6- Photo produk yang lengkap

Kita akan bincangkan 1 per 1 topik di atas.

**Kualiti PRODUK**

Teknik yang saya gunakan adalah dengan **Mengurangkan** produk yang menggunakan bateri atau elektrik. Sebagai contoh lihat photo di bawah ini:



BBQ Foldable




swifty Sharp

**BBQ Foldable** 100% tiada bateri atau elektrik yang digunakan, tambahan ia diperbuat dari Besi. So ... risiko mendapat masalah dari segi teknikal 3% sahaja. Kenapa 3% , ya masih ada juga yang complaint, hanya disebabkan masalah pada seller yang tidak periksa kandungan barang didalamnya cukup atau tidak. Itu sahaja! Jadi anda boleh nilaikan produk sebegini. Risiko tetap ada namun kadar % adalah **sangat rendah**. Buyer banyak memberi **Rating BAIK** untuk produk ini.

Swifty Sharp 100% menggunakan kuasa Bateri. Hasil dari kajian saya, dari 1 carton yang diambil dari supplier ada kira kira 5-10% mengalami masalah teknikal. Dalam 1 carton ada 36 units, so dalam 4 units akan rosak sebelum dihantar. Bukan bermakna anda tidak boleh menjual produk begini namun nasib saya kerana dapat supplier yang member kualiti yang sangat kurang. Saya **STOP** jual produk ini. Buyer pun banyak beri Rating yang tidak BAGUS untuk produk ini. Kesimpulannya harus cari supplier yang memberi produk berkualiti.




Screen shoot produk yang telah saya hentikan Jualan.

## Shipping Dalam masa kurang dari 3 hari

Ini sudah menjadi Lumrah Pembeli, jika anda ship dalam masa Cepat, mereka akan member Rating yang baik pada produk anda.



**Respond pada setiap pertanyaan Buyer untuk produk tersebut**




Buyer akan bertanya pada ruangan chat yang mereka Nampak dari button pada produk yang mereka pilih. Biasanya buyer akan ingat jika SELLER ni buat tak endah pada mereka, hmm ... dah Lumrah ya, Manusia lebih mudah lihat KEBURUKKAN dari KEBAIKAN. Oleh itu pastikan anda membalas pertanyaan buyer kurang dari 12 jam atau sebaiknya kurang dari 3 jam. Lihat hasilnya!

**Packing dengan baik dan item yang mudah pecah gunakan bubble wrapping**

Kenal Pasti produk anda yang berpotensi untuk pecah ketika penghantaran. Pos Laju dan mana-mana Courrier pun tidak SEMPURNA, ada je masalah dari segi retak, pecah, dan sebagainya.

Kategori barang yang WAJIB Bubble Wrapping

1- Barangan kaca
2- Barangan plastic yang kotaknya tidak kuat.
3- Barangan yang panjangnya tidak seimbang dengan lebar dan tinggi.
4- Atau mana-mana produk yang dah ada testimony pecah !

**Keterangan Produk yang lengkap &Photo produk yang lengkap**

Bab ini telah dibincangkan dalam ebook #1 dan #4. Rujuk eBook tersebut untuk keterangan lanjut.

AWAS!: Produk rating ini akan mempengaruhi Rating Kedai anda. Dengan kata lain Shopee akan menilai Shop RATING anda berdasarkan Formula dibawah ini.

**Total produk rating / Berapa Ramai yang Memberi Rating = Shop Rating**




Cara Kiraan adalah seperti Berikut :

| Star | bilangan undi star | Jumlah Star x Bilangan undian |
|---|---|---|
| 5 | 1839 | 9195 |
| 4 | 202 | 808 |
| 3 | 136 | 408 |
| 2 | 48 | 96 |
| 1 | 59 | 59 |
| | Jumlah Besar | **10566** |

| | |
|---|---|
| Bilangan Buyer yang Review dan memberi Rating | 2284 orang |

Maka Rating Shop anda = 10566 / 2284

**= 4.62%**

AWAS: Pastikan Shop Rating anda melebihi dari 4.60% kerana ini akan melayakkan anda memohon Prefer Seller.

RAHSIANYA: pada awal saya bermula dengan Shopee Rating saya bawah 4.5% akhirnya saya bertanya pada Seller yang Berjaya mendapatkan Rating 4.6% dan beliau nyatakan beberap tips seperti yang telah saya bincangkan di atas tadi, dan 1 lagi saya akan bongkarkan cara untuk naikkan Produk Rating  sila selak muka surat seterusnya... jeng..jeng..jeng....




Buka shopee seller centre anda – screen shoot pc




Klik pada TAB 'My Sales' dan kemudian Klik 'Completed' Seperti photo diatas




Klik pada TAB 'Completed'

TIPS!:Dalam ruangan ini anda akan dapat melihat ada produk yang belum anda rating. Sudah menjadi **LUMRAH** kita memberi insya allah kita akan mendapat Balasan. Oleh yang itu apa yang saya amalkan, saya akan **RATING GOOD** pada semua buyer saya!




Klik pada Button 'rate' pop ini akan muncul dan anda boleh memberikan rating, follow step seperti anak panah, mudah sahaja.




Contoh ayat Rating yang mudah

==========================================================================

Link Video tutorial >> [Klik Sini #09]

==========================================================================

# KELAS E-COMMERCE SUPPORT TEAM – KEC SUPPORT




## KLIK NOW !

## SEBARANG PERTANYAAN SILA EMAIL




Email: sstcareline@gmail.com

Pertanyaan anda akan dijawab dalam tempoh 24 jam hari bekerja.

Nota: Pertanyaan Haruslah berdasarkan ebook yang telah anda baca dan Cuba. Kami sedia membantu.